

# Misi Topi Bulat

## PERJUANGAN PENUH LIKU

Oleh

NUR AZIMAH OSMAN

Pusat Pengajian Biologi, UiTM  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus  
Kuala Pilah,  
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan

[azimah@uitm.edu.my](mailto:azimah@uitm.edu.my)

Editor: Dr Nor'aishah Abu Shah

**NIAT** untuk mengenggam ijazah PhD tidak pernah ada semenjak di bangku sekolah. Mungkin pada ketika itu belum jelas apa itu PhD, yang terlintas hanyalah nak belajar pandai-pandai sampai masuk universiti. Namun setelah direzekikan oleh yang Maha Esa untuk menjadi tenaga pengajar di UiTM tidak dapat tidak PhD ibarat 'bila nak sambung ni' memanggil-manggil di benak fikiran. Setelah melalui perjalanan yang panjang dan beberapa kegagalan dalam proses permohonan untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD, alhamdulillah berkat doa seorang ibu dan izin dari Nya rezeki PhD tiba jua pada 2019. Berbekalkan semangat juang yang turun naik sementara banyak dugaan dan cabaran semasa permohonan tajaan biasiswa SLAB dari KPT diawalnya, namun segalanya dipermudahkan di akhir penantian. Tanggal 1 Oktober 2019 menjadi kenangan peribadi melangkah kaki dengan sejuta harapan ke Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai seorang pelajar PhD dalam bidang genetik Fakulti Sains dan Teknologi (FST) di bawah seliaan Prof Dr. Badrul Munir Md Zain.

PhD Research  
Journey  
Nur Azimah  
Osman



Gambar 1. Nur Azimah Osman sedang menjalankan ujikaji di makmal genetik, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, UTHM.

Terima kasih diucapkan kepada seorang sahabat dari PPBio yang membantu merisik dan memperkenalkan Prof Dr. Badrul Munir Md Zain kepada saya. Tatkala bergelar pelajar PhD, niat di hati cuma satu iaitu ingin mengakhiri perjuangan ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan selama 3 tahun...GOT.

Hampir satu semester melanjutkan pengajian, dunia dikejutkan dengan wabak Covid-19. Segala aktiviti makmal yang baru sahaja bermula terpaksa diberhentikan kerana perlu menjalani perintah kawalan pergerakan (PKP). PKP telah berlanjutan sehingga berbulan lamanya. Terlintas di fikiran,

## 'Mampukah aku menyiapkan PhD ini dalam tempoh 3 tahun?'

Bila difikirkan semula, ramai orang yang terkesan pada ketika itu akibat kehilangan sumber rezeki. Seharusnya saya bersyukur kerana masih ada rezeki pekerjaan walaupun sedang cuti belajar. Dalam tempoh PKP tersebut, saya belajar menulis artikel. Sesungguhnya ia adalah satu perkara yang amat susah kerana saya kurang pengalaman menulis dan menerbitkan artikel.

Ditambah lagi dengan tidak dapat berjumpa secara bersemuka dengan rakan – rakan di makmal untuk mendapatkan bantuan dan tunjuk ajar. Pada ketika itu, semua orang hanya dapat berhubung secara maya sahaja. Namun saya perlu teruskan kerana penerbitan artikel adalah syarat wajib universiti untuk lulus PhD. Alhamdulillah, segalanya dipermudahkan dan artikel pertama telah berjaya diterbitkan pada penghujung tahun 2020. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia, penyelia bersama dan rakan-rakan makmal yang banyak membantu. Setelah PKP berakhir, kerja makmal dapat disambung semula. Saya meneruskan kerja persampelan dan ada juga kerja makmal yang perlu dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Kampus Pagoh, Johor. Namun apabila PKP bermula lagi di pertengahan tahun 2021, sekali lagi aktiviti makmal terpaksa dihentikan. Keadaan ini amat memberi kesan kepada saya dan saya yakin rakan-rakan pascasiswazah yang lain juga merasainya

Ditambah pula dengan masalah teknikal yang dihadapi semasa menjalankan ujikaji di UTHM sebelum ini serta penutupan bangunan Biologi FST, UKM akibat terdapatnya jangkitan kulat. Namun kita hanyalah insan yang lemah dan hanya mampu merancang. Perancangan Allah jua yang terbaik dan pasti ada hikmah di atas apa yang berlaku. Saya menyambung kerja – kerja penulisan tesis, menyertai webinar dan persidangan secara dalam talian. Pada ketika ini, saya merasa sangat gusar, kusut dan semangat pun turun naik bila memikirkan tinggal lebih kurang satu tahun sahaja lagi tempoh pengajian.

Pada awal bulan Ogos 2021, makmal di dibuka semula kepada pelajar - pelajar pascasiswazah dengan syarat telah divaksinasi dan perlu mematuhi SOP yang ketat. Saya mengambil peluang ini dengan penuh rasa bersyukur untuk menyiapkan kerja – kerja makmal yang masih berbaki. Akibat dari bangunan Biologi yang masih lagi ditutup, saya perlu memindahkan kerja-kerja makmal ke makmal yang lokasinya jauh sedikit dari FST. Alhamdulillah, rakan-rakan serta staf makmal banyak membantu dalam proses pemindahan ini. Perjuangan diteruskan sehingga ke hari ini. Moga apa yang dirancang dapat dilaksanakan dan dipermudahkan oleh yang Maha Esa serta saya dapat kembali semula berkhidmat di UiTM pada penghujung September 2022.



Gambar 2. Bersama rakan-rakan di makmal genetik, UTHM.

*“Apa yang penting kita harus terus berusaha, percaya pada diri sendiri dan sentiasalah bersangka baik pada Allah atas apa yang terjadi.”*



Sesungguhnya Allah telah berfirman dan mengulang sebanyak dua kali dalam surah Al-Insyirah Ayat 5 dan Ayat 6, 'Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan' (Ayat 5), 'Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan' (Ayat 6).



Gambar 3. Nur Azimah merakamkan kenangan ketika proses persampelan beruk kentoi di Taman Negeri Perlis, Wang Kelian Perlis.



Gambar 4. Meraikan rakan-rakan seperjuangan di bawah seliaan Prof Dr. Badrul Munir Md Zain yang telah selesai viva.

Saya juga mendoakan semoga rakan – rakan seperjuangan yang lain juga dipermudahkan urusan PhD mereka. Tiada daya dan upaya melainkan Allah yang mengizinkan segala-galanya untuk kita semua. Akhir kalam, jutaan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga, rakan-rakan, penyelia dan penyelia bersama yang sentiasa memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan perjuangan yang penuh liku ini.



Gambar 5. Bersama wakil dari Treks Event Sdn Bhd, Genting Highlands, Pahang yang membantu kerja persampelan primat di Genting Highlands (kanan).